

PERUTUSAN TAHUN BARU 2017
KETUA PENGARAH
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa

Alhamdulillah, sedar tidak sedar tahun 2016 telah hampir tiba ke penghujungnya. Justeru, marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah kurnia dan IzinNya, tahun 2016 telah berjaya kita tempuhi dengan lancar disebalik pelbagai cabaran dan dugaan yang dihadapi.

Sepanjang tahun 2016, pelbagai pencapaian dan peristiwa penting telah dilakarkan oleh ILKAP. Selain daripada pelaksanaan kesemua kursus-kursus *in-house* seperti yang dijadualkan, ILKAP juga telah diberikan kepercayaan untuk mengendalikan beberapa program penting yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi antaranya ILKAP *Speaker Series*, yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali, Ketua Peguam Negara bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman di kalangan pengamal undang-undang dan badan penguatkuasaan mengenai isu perundangan terkini di Malaysia. Kita juga telah berjaya melaksanakan sebanyak tiga (3) siri ILKAP *Outreach Program* yang bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai undang-undang berhubung isu hak wanita dan kanak-kanak. Pelaksanaan program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat setempat di Sandakan, Sabah, Alor Setar, Kedah serta Pengerang, Johor dan telah mendapat pujian daripada YB Dato' Seri Azalina binti Dato' Othman Said, Menteri di JPM.

Selain itu, ILKAP juga telah menjadi lokasi pilihan untuk melaksanakan kursus oleh organisasi antarabangsa antaranya penganjuran kursus '*Malaysian Law Enforcement on Evaluating Truth and Credibility*' anjuran British Council, Malaysia serta kunjungan hormat daripada delegasi *Maldives Judicial Academy* (MJA) pada pertengahan tahun yang lalu yang bertujuan untuk berkongsi pengalaman ILKAP dalam merancang serta melaksanakan kursus bagi peningkatan profesionalisme pegawai perundangan, kehakiman dan penguatkuasaan yang boleh dicontohi dan diaplikasikan di MJA.

Oleh itu, berdasarkan kepada pencapaian cemerlang ini, adalah menjadi harapan saya pada tahun 2017, kita semua akan terus menggiatkan usaha untuk melonjakkan lagi imej ILKAP sebagai sebuah institusi latihan perundangan dan kehakiman yang unggul di rantau ini melalui usaha-usaha transformasi antaranya melalui cadangan mewujudkan satu program tertentu dalam bidang kehakiman dan perundangan di ILKAP sama ada di peringkat Diploma/Ijazah yang akan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sekiranya cadangan ini dapat direalisasikan, ILKAP pada masa akan datang bukan lagi hanya sekadar mengeluarkan Sijil Kehadiran Kursus kepada peserta tetapi Diploma/Ijazah yang diiktiraf. Usaha-usaha ke arah ini sedang giat dilaksanakan dan saya amat berharap semua warga ILKAP dapat bekerjasama dengan pasukan yang terlibat bagi memastikan matlamat transformasi ini dapat dicapai.

Saya juga berharap seluruh warga akan terus meningkatkan produktiviti, menguruskan peruntukan kewangan secara berhemah, mengekalkan semangat kerja secara berpasukan, sifat bantu-membantu dan sebagainya bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan ILKAP. Selain itu, aspek kebajikan dan sosial perlu terus diberikan perhatian antaranya perkembangan kerjaya, kesihatan dan hal-hal ehwal warga serta waris yang memerlukan bantuan. Sesungguhnya, setiap warga kerja ILKAP merupakan aset yang amat bernilai dan saya percaya bahawa segala kejayaan yang telah kita kecapai tidak akan menjadi nyata tanpa usaha gigih semua pihak.

Akhir kata, saya mengambil peluang sekali lagi untuk melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT di atas semua kejayaan dan pencapaian kita sepanjang tahun 2016 dan mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja di atas segala sokongan dan kerjasama serta tanggungjawab yang telah ditunaikan demi kecemerlangan ILKAP. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat melangkah ke tahun baru 2017 kepada seluruh warga ILKAP. Semoga kedatangan tahun baru 2017 ini kita akan beroleh kejayaan yang lebih cemerlang.

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2017

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Sekian, terima kasih.

DATO' ANITA HARUN
KETUA PENGARAH ILKAP